

# UMP tukar landskap sosioekonomi

» *Perkampungan nelayan Kuala Pahang nikmati limpahan pembangunan*

Oleh Abdul Razak Raaff  
raaff@bh.com.my

■ Pekan

**K**ewujudan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Pekan, menukar landskap sosioekonomi kawasan perkampungan nelayan Kuala Pahang, menerusi pertambahan penduduk, pertumbuhan perniagaan dan peluang pekerjaan.

Kampus UMP Pekan yang terletak kira-kira tujuh kilometer dari pusat bandar di sini dan 40 kilometer dari bandar Kuantan, akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Ahad ini.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata

BERITA HARIAN (NASIONAL) 27 NOV 2015 m/s 36

masyarakat sekitar menerima limpahan manfaat hasil pembangunan kampus itu yang mula beroperasi sejak enam tahun lalu dengan keluasan 260 hektar dan boleh menampung sehingga 10,000 pelajar dan 2,000 staf.

Beliau berkata, ketika ini, kampus itu menempatkan tiga fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dengan dilengkapi Pusat Aktiviti Pelajar, kolej kediaman pelajar dan kemudahan perpustakaan.

Bangunan Kompleks Pentadbiran Utama yang mula beroperasi 2 November lalu melengkapkan nadi pembangunan universiti berkenaan. Begitu juga dengan pembinaan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan termasuk dewan kuliah utama.

#### Amalan mesra alam

"Penghijauan kampus adalah inisiatif yang diberi perhatian khusus pengurusan UMP sejajar dengan dasar kerajaan yang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi



Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Pekan.

[FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH]

memperluaskan amalan mesra alam dan aplikasi teknologi hijau di negara ini.

"Malahan pembangunan penghijauan kampus universiti ini dibagikan kepada tujuh zon utama membabitkan Zon Landskap, Zon Penyelidikan, Zon Man-made Wetland, Zon Kawasan Dusun, Zon Tumbuhan Nadir, Zon Taman Bioaromatik dan Zon Hutan Semula Jadi memberikan suasana persekitaran yang sangat kondusif yang menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran," ka-

tanya di sini, semalam.

Sempena perasmian kampus oleh Perdana Menteri, Ahad ini, Daing Nasir turut mengajak masyarakat tempatan mengunjungi kampus itu kerana pihaknya turut mengadakan pelbagai program termasuk pameran inovasi dan sukan rakyat.

Katanya, Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Pekan, juga akan menyaksikan pertukaran dokumen memorandum persefahaman (MoU) membabitkan 12 industri termasuk syarikat dari

Switzerland, Evolva SA, berkaitan pembangunan sebatian semula jadi, Majlis Amanah Rakyat (MAR) dalam pembangunan projek inkubator gelatin halal dan Johor Corporation Berhad (JCorp) bagi pengkomersialan produk keratin dan Dialclean.

"Pihak industri lain yang turut mengadakan MoU dengan kita ialah Cosway (M) Sdn Bhd, Yayasan Sabah Group, Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp), SEDIA Corporation, Jabatan Kerja Raya (JKR), Ranhill Utilities Sdn. Bhd, IMASPRO Resources Sdn Bhd dan Gaya Naturals Sdn Bhd berkaitan pembangunan projek industri nilam di Taman Bioaromatik Negeri Pahang.

"Pada majlis berkenaan juga, UMP bakal menerima status autonomi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi dalam melaksanakan empat bidang utama iaitu tadbir urus institusi, tadbir urus kewangan, tadbir urus sumber manusia dan tadbir urus akademik dengan menggunakan pakai Kod Panduan Amalan Tadbir Urus Terbaik (CUGG) dan Indeks Tadbir Urus Universiti Terbaik (UGGI)," katanya.